

**Lima finalis Anugerah Wanita Inspirasi Tun Dr. Siti Hasmah
Utusan Online
November 09, 2011**

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Seramai lima finalis bakal merebut gelaran juara Anugerah Wanita Inspirasi Tun Dr. Siti Hasmah Institut Pengurusan Wanita (WIM) 2011 dalam satu majlis yang akan diadakan di Hotel Shangri-La di sini pada 21 November ini.

Calon terlibat ialah Pengasas dan Presiden Pertubuhan Bantuan Makanan dan Kebajikan Penampang (Permak), Datuk Elizabeth Maurice, 56; pemilik Sarina Art Gallery, Sharinah Md. Nor, 49, dan Ketua Jururawat Jabatan Pergigian Grik yang juga Ketua Wanita MIC Bahagian Sungai Siput, Perak, Saroja Kunjuraman, 54.

Dua lagi ialah Pengarah Eksekutif PJ Live Arts, Choong Lai Ling, 40, dan Presiden Persatuan Kebajikan Wanita India daerah Kuantan, Saessa Muniandy, 40.

Pengerusi jawatan kuasa penganjur, Puan Sri Siew Yong Gnanalingam berkata, anugerah yang mengiktiraf golongan wanita berjaya dalam sesuatu bidang bermula dari peringkat bawah itu secara tidak langsung memberi galakan kepada lebih ramai wanita untuk terus berusaha mencapai kejayaan.

"Mereka merupakan antara tujuh calon yang telah disenarai pendek oleh juri profesional dan bagi tahun ini seramai 45 wanita daripada seluruh negara disenaraikan untuk menyertai anugerah ini.

"Kami mengharapkan kehadiran ramai golongan wanita pada malam gala anugerah ini nanti. Selain meraikan pemenang, secara tidak langsung ia menggalakkan mereka untuk berusaha dan mencabar diri bagi sama-sama berada di pentas anugerah pada masa akan datang," katanya pada sidang akhbar di WIM di sini hari ini.

Hadiah dijangka disampaikan oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Antara hadiah yang bakal diterima oleh juara ialah wang tunai RM10,000 daripada WIM, wang tunai RM20,000 daripada Etiqa Insurans dan Takaful, set barang kemas mutiara Rafflesia bernilai RM15,000 dan trofi.

Kata beliau, sebanyak 40 buah meja disediakan kepada mereka yang berminat menyaksikan anugerah itu.

Meja dijual pada harga RM10,000, RM5,000, RM3,500 dan RM2,000. Tempahan boleh dibuat di talian 03-77250268.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1109&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_12.htm